

Khamis, 1 Ogos 2019 | 10:20am



**ANGGOTA** penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan memeriksa sebahagian 3,226 tong Gas Petroleum Cecair yang disita dengan nilai anggaran RM193,782 dalam serbuan di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa. - Foto ihsan KPDNHEP Kelantan

## KPDNHEP Kelantan sita 3,226 tong gas

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
[nfazlina@NSTP.com.my](mailto:nfazlina@NSTP.com.my)

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menyita 3,226 tong gas petroleum cecair bernilai RM193,782 dalam serbuan di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa, di sini.

Serbuan bermula jam 9 pagi semalam dan berakhir 5 pagi tadi disertai 25 pegawai penguat kuasa KPDNHEP.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi Juri, berkata serbuan dilakukan selepas pihaknya mengesyaki pemegang lesen barang kawalan berkenaan berusia 50-an melanggar peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memindahkan barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan.

“Susulan itu, kita menyita semua tong gas pelbagai jenama dianggarkan bernilai hampir RM200,000 untuk tindakan lanjut.

“Kita akan memanggil pemilik premis untuk merakamkan percakapannya. Siasatan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan disabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 akta sama,” katanya menerusi kenyataan media di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa komited memantau dan menjalankan pemeriksaan serta mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan KPDNHEP.



**ANGGOTA** penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan memeriksa sebahagian 3,226 tong Gas Petroleum Cecair yang disita dengan nilai anggaran RM193,782 dalam serbuan di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa. - Foto ihsan KPDNHEP Kelantan